

02/02/2000

Mengekalkan Malaysia Hall bukan semudah disangka

Azizi Othman

ISU masa depan Malaysia Hall di London yang sebelum ini hangat di kalangan beberapa pihak saja, mula menarik perhatian segenap lapisan masyarakat sebaik saja Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat kenyataan mengenainya. Ketika mengadakan pertemuan Hari Raya dengan warga dan penuntut Malaysia di bangunan itu kelmarin Perdana Menteri berkata, sehingga ini belum ada sebarang keputusan dibuat mengenainya. Tetapi kerajaan berpendirian kewujudan Malaysia Hall yang mempunyai signifikansi sejarah dan semasa, harus dikekalkan apakah dalam bentuknya yang ada hari ini atau pun yang lain.

Isu Malaysia Hall timbul kerana tempoh pajakan dua daripada tiga blok bangunan yang menjadi lokasinya di Bryanston Square, London, akan tamat tahun depan. Jika tidak diperbaharui, unit itu perlu dipulangkan semula kepada pemiliknya, iaitu pihak yang dikenali sebagai Duke of Westminster yang juga memiliki hampir semua hartanah yang terletak di dalam City of Westminster. Ringkasnya, kini sesuatu perlu dilakukan jika kerajaan mahu melihat Malaysia Hall dapat terus wujud dan berada di lokasi yang sama, selepas lebih empat dekad berfungsi sebagai jambatan penghubung di antara warga Malaysia di Britain dan tanah air.

Menyorot masa depan Malaysia Hall ini, sesuatu yang tidak dapat diketepikan ialah penilaian berhubung kos untuk mengekalkannya. Nilai ringgit berbanding dengan pound sterling juga meningkatkan lagi kos untuk memperbaharui pajakan bangunan itu. Mungkin, persoalan ini menjadi kunci utama kenapa sehingga hari ini, pelbagai pihak yang mempunyai kaitan langsung dalam usaha mengekalkannya terutama Kementerian Pendidikan masih belum mengeluarkan sebarang kenyataan rasmi mengenainya, sehinggalah Dr Mahathir menyentuhnya. Sebelum ini yang kedengaran hanya beberapa pemimpin yang menyuarakan hasrat hati mereka secara peribadi mahu melihat Malaysia Hall dikekalkan kerana fungsinya terhadap masyarakat Malaysia yang berada di Britain, khususnya pelajar.

Begitupun, isu pajakan Malaysia Hall jauh lebih besar daripada itu dan menjangkau beberapa aspek lain yang tidak kurang rumitnya, dan tidak diketahui oleh sebahagian masyarakat yang cenderung menuding jari mendakwa kerajaan tidak peka terhadap peri pentingnya mengekalkan Malaysia Hall sebagai simbol `tali perhubungan erat' di antara masyarakat Malaysia di London dengan tanah air.

Memperbaharui tempoh pajakan Malaysia Hall bukan semudah memperuntukkan sejumlah wang saja. Ini kerana mengikut peruntukan undang-undang penggunaan bangunan di London, ia jauh lebih kompleks. Peraturan sedia ada di Britain, terutama di pusat kota raya London menetapkan sesebuah bangunan yang sudah tamat tempohnya pajakannya perlu diserahkan semula kepada pemilik asalnya.

Bagi Malaysia Hall ia perlu diserahkan kembali kepada Brymon Estates, yang memegang amanah bagi pihak Duke of Westminster. Bagaimanapun, bangunan itu tidak boleh diserahkan begitu saja, malah perlu dikembalikan dalam bentuk seperti pelan asalnya termasuk dari segi kelengkapan, susun atur dalaman, malah warna catnya sekali.

Usaha ini pastinya rumit menyedari pelbagai pengubahsuaian sudah dilakukan terhadap bangunan itu. Ini bermakna, jika sekali pun pajakan itu tidak mahu diperbaharui, kerajaan masih perlu membelanjakan sejumlah besar wang untuk mengubahsuaikannya semula. Persoalannya apakah lebih menguntungkan memohon melanjutkan tempoh pajakan atau sebaliknya?

Selain itu, persoalan lain juga perlu dipertimbangkan. Ini kerana, kalangan pakar hartanah memberitahu dalam keadaan semasa, adalah terlalu sukar bagi mana-mana pihak mendapatkan tempoh pajakan lanjutan bagi sebarang hartanah bangunan yang terletak dalam lingkungan kota raya London, khususnya di City of Westminster. Sebagai alternatifnya, pihak pemiliknya dikatakan lebih berminat memberikan status penyewa kepada pihak yang menduduki bangunan itu selepas tempoh pajakannya tamat - sekali gus mengubah sama sekali dimensi implikasi kos terhadapnya.

Jika ini berlaku, jelas bahawa pertimbangan kewangan terhadap usaha meneruskan kesinambungan kewujudan Malaysia Hall memerlukan tindakan lebih bersepadu dan kolektif daripada pelbagai pihak dalam institusi kerajaan bagi memastikan cara paling kos efektif menjayakannya. Kewujudan Malaysia Hall memang memberi manfaat untuk masa depan dan juga dalam konteks sejarah tanah air. Tetapi apakah ia perlu dipertahankan walau pada apa harga sekali pun? Itulah sebabnya Perdana Menteri menyatakan jika bukan dalam bentuknya hari ini, Malaysia Hall mungkin boleh wujud dalam bentuk lain.

Menyedari hakikat dan dilema itu, rakyat Malaysia sama ada yang berada di London atau di tanah air tidak seharusnya terburu-buru mendesak mana-mana pihak membuat keputusan. Semua aspek perlu dipertimbangkan dan satu analisis terperinci harus dibuat. Ketika ini belum pun lagi diketahui kos yang diperlukan untuk meneruskan legenda Malaysia Hall kerana rundingan untuknya juga belum dimulakan. Apa yang boleh dikatakan pelbagai opsyen harus dipertimbangkan bagi memastikan negara mendapat nilai terbaik untuk setiap sen yang dibelanjakan sejajar dengan manfaatnya. Jangan pula berlaku hanya kerana desakan pihak tertentu, satu keputusan yang kurang bijak diambil kerana ia bukan saja akan merugikan negara malah mungkin dijadikan modal politik pihak tertentu pula.

(END)